

**KONSEP WASATIYYAH DALAM PELAKSANAAN AMAR MAKRUH NAHI MUNGKAR:  
APLIKASINYA DALAM KONTEKS KEMUNGKARAN POLITIK**

**Nor Amalina Binti Abd Rahman @ Sabri<sup>1,a</sup>, Wan Hishamudin bin Wan Jusoh<sup>2,b</sup>**

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),  
21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

<sup>a</sup>noramalinaabdrahman@gmail.com, <sup>b</sup>whishamudin@unisza.edu.my

**Kata kunci:** Wasatiyyah; Amar Makruh Nahi Mungkar; Politik

**Abstrak.** Wasatiyyah (kesederhanaan) merupakan suatu konsep yang diketengahkan oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang sentiasa mengamalkannya dalam setiap aspek kehidupan. Konsep ini turut menjadi dasar bagi pembangunan, ekonomi, kesatuan rakyat dan juga politik negara Malaysia. Konsep wasatiyyah turut ditekankan dalam menjalankan segala perintah Allah SWT, termasuk juga dalam melaksanakan amar makruh nahi mungkar. Namun begitu, terdapat segelintir daripada kalangan pemimpin yang melakukan kemungkaran dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pentadbir negara dan keadaan ini menjurus kepada kemungkaran yang lebih besar apabila munculnya segolongan rakyat yang bertindak secara melampau bagi menangani kemungkaran politik tersebut. Kertas kerja ini bertujuan untuk menjelaskan konsep wasatiyyah dalam pelaksanaan amar makruh nahi mungkar, khususnya terhadap kemungkaran yang berlaku dalam bidang politik. Hasil kajian menunjukkan bahawa kemungkaran yang berlaku dalam bidang politik perlu diatasi oleh setiap lapisan masyarakat berdasarkan keilmuan dan kekuasaan yang ada pada diri masing-masing. Penguasa perlu mencegah kemungkaran menggunakan kuasa yang ada pada dirinya, ulama perlu menggunakan lisan atau percakapan dan orang awam pula perlu menggunakan hati untuk menjauhi perbuatan mungkar. Ketiga-tiga peringkat pencegahan kemungkaran ini menepati maksud wasatiyyah. Pelaksanaan pencegahan yang wasatiyyah dapat menjamin kestabilan politik negara dan juga keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia.

**Pengenalan**

Politik merupakan tindakan yang dilakukan melibatkan segala hal pentabiran dan pengurusan negara termasuklah persaingan dalam mendapatkan kuasa pemeritahan [Zulkiple Abd. Ghani dan Mohd Syukri Yeoh Abdullah (ed), 2005]. Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai kestabilan politik dengan bertunjangkan dasar-dasar kerajaan yang dapat mencapai kesepaduan rakyat serta mengembangkan lagi ekonomi negara. Antara dasar yang menjadi asas pemerintahan negara adalah Dasar Wasatiyyah Negara (DWN). Nilai wasatiyyah ini diperkenalkan sebagai dasar adalah untuk memastikan rakyat Malaysia memahami dan menghayatinya dalam setiap aspek kehidupan serta menjadikanya sebagai tonggak kesatuan umat Islam di Malaysia [Institut Wasatiyyah Malaysia, 2017].

**Pengertian Wasatiyyah**

Wasatiyyah berasal daripada perkataan *wasata* yang bermaksud keadilan, kemuliaan, pertengahan antara dua taraf dan kesederhanaan [Ibn al-Manzūr, 2003; Ismā‘īl bin ‘Abbād, 1994]. Perkataan *wasata* ini turut disebut dalam firman Allah SWT:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَتَّبِعُ الرَّسُولَ مِمَّنْ يَنْقَلِبُ عَلَى عَقْبَيْهِ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِلَّكُمْ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَّءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿١٢٤﴾

Maksudnya: *Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu. Dan Kami tidak menetapkan kiblat yang menjadi kiblatmu (sekarang) melainkan agar Kami mengetahui (supaya nyata) siapa yang mengikuti Rasul dan siapa yang membelot. Dan sungguh (pemindahan kiblat) itu terasa amat berat, kecuali bagi orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah; dan Allah tidak akan menyia-nyiakan imanmu. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada manusia.*

[al-Baqarah: 2:143]

Lafaz *ummatan wasatan* dalam ayat ini membawa maksud umat yang adil [al-Ṭabarī, 2007], umat yang terbaik [Ibn

Kathīr, 1987] dan sesuatu yang terpuji adalah yang berada di pertengahan [al-Qurṭubī, 2010]. Wasatiyyah dikatakan sebagai adil adalah kerana ianya tidak cenderung hanya kepada sebelah pihak atau satu sudut [al-Fakhru al-Rāzī, 2005].

Al-Qaradāwī (1981) menyatakan bahawa wasatiyyah dapat diertikan sebagai keseimbangan, kesederhanaan, keadilan, istiqamah pada jalan yang benar, kebaikan, keamanan, kekuatan serta pusat kesatuan umat. Islam merupakan agama yang bersifat sederhana dalam semua aspek kehidupan sama ada dari aspek akidah, syariat mahupun akhlak.

Wasatiyyah juga tidak pernah membenarkan perbuatan yang melampau, keras dan taksub tanpa sebarang usul periksa terlebih dahulu. Sifatnya juga bukanlah cuai atau memperlonggarkan agama sehingga berlakunya penyelewengan dan mengaitkan nama Islam dalam melakukan perbuatan yang menyimpang [Mohd Yusof Din dan Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2015].

Dalam konteks negara Malaysia, wasatiyyah dijadikan sebagai dasar utama dalam pentadbiran negara dan ianya dikenali sebagai Dasar Wasatiyyah Negara (DWN). Dasar ini diperkenalkan bagi mencapai kesepaduan rakyat yang berbilang kaum serta melahirkan peradaban bangsa Malaysia yang harmoni dan cemerlang. Dasar yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 21 Oktober 2016 ini juga bertujuan untuk memastikan kerohanian rakyat bergerak seiring dengan ekonomi negara yang pesat membangun [Institut Wasatiyyah Malaysia, 2017]. Konsep wasatiyyah yang digunakan oleh negara Malaysia ini dapat diterima oleh rakyatnya yang berbilang agama walaupun jumlah penganut agama lain selain daripada agama Islam agak besar [Mohd Najib Abdul Razak, 2015].

Pendekatan wasatiyyah ini akan menjadikan kehidupan manusia aman, harmoni, mudah, menyenangkan serta menghapus segala yang membawa kepada kesusahan dan kemudaratannya [Mohamed Azam Mohamed Adil, 2016]. Oleh itu, pendekatan ini dilihat sebagai sesuatu yang sangat bersesuaian dengan identiti Islam dan bertepatan dengan segala suruhan dan larangan dalam Islam, termasuk juga suruhan melaksanakan amar makruh nahi mungkar.

**Wasatiyyah dalam Pelaksanaan Amar Makruh Nahi Mungkar**

Amar makruh nahi mungkar merupakan istilah yang sering digunakan oleh umat Islam dalam melaksanakan dakwah Islamiyyah. Istilah ini diambil daripada perkataan empat perkataan Arab yang membawa maksud yang berlainan. Dari segi bahasa, amar bermaksud suruhan terhadap sesuatu perkara, makruh bererti perbuatan yang baik, nahi pula adalah larangan terhadap sesuatu perkara dan mungkar pula adalah perbuatan yang bertentangan dengan hukum syarak [Ibn al-Manzūr, 1955].

Dari segi istilah pula, amar makruh bermaksud suatu suruhan dalam melakukan perkara yang bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah atau isyarat kepada sesuatu perkara yang diredhai Allah sama ada dari segi perbuatan mahupun percakapan manakala nahi mungkar pula adalah larangan dalam melakukan sesuatu perkara yang tidak baik atau buruk dari sudut syariat serta tidak diharuskan dalam Islam [al-Jurjānī, 1413].

Pelbagai dalil digunakan oleh umat Islam sebagai rujukan dalam melaksanakan perintah amar makruh nahi mungkar ini. Antara dalil yang sering digunakan adalah firman Allah SWT melalui Surah Āli ‘Imrān, ayat104:

وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksudnya: *Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.* [Āli ‘Imrān: 3:104]

Ayat ini menjelaskan bahawa tugas ini adalah tanggungjawab setiap umat Islam mengikut kemampuan masing-masing namun perlu ada satu golongan daripada kalangan umat Islam yang sentiasa bersedia untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai penyeru kepada kebaikan dan penghalang kemungkaran [Ibn Kathīr, 1987].

Al-Jīlānī (1996) pula menyatakan bahawa suruhan amar makruh nahi mungkar wajib dilaksanakan oleh setiap individu muslim berdasarkan kemampuan dan kuasa yang ada pada diri masing-masing. Pelaksanaan ini perlulah dilakukan dengan bijaksana tanpa mengakibatkan perpecahan dalam kalangan masyarakat atau kemudaratannya pada diri, harta dan keluarga.

Oleh itu, pendekatan wasatiyyah dilihat sebagai jalan yang baik dalam melaksanakan amar makruh nahi mungkar. Melalui pendekatan ini, kemungkaran yang perlu dicegah mestilah kemungkaran yang disepakati dan bukannya perkara yang mempunyai percanggahan pendapat ulama [al-Jīlānī, 1996]. Begitu juga dengan perintah dalam melakukan kebaikan. Hal ini adalah kerana perbezaan pendapat dan kewujudan pelbagai mazhab dalam Islam diiktiraf serta tidak semestinya

sesuatu pandangan itu wajib menjadi ikutan umat Islam secara keseluruhan [Mohamed Azam Mohamed Adil, 2016].

Dalam menjayakan pelaksanaan amar makruf nahi mungkar yang berlandaskan konsep wasatīyyah ini, perpaduan ummah atau kerjasama antara pemimpin dan rakyat juga dilihat sebagai elemen yang sangat penting [Mahmood Zuhdi Abd Majid, 2013]. Namun begitu, kerjasama yang diperlukan ini tidak berlaku sebagaimana yang diingini kerana wujudnya perbuatan mungkar yang berlaku dalam kalangan rakyat dan pemimpin yang boleh menggugat kestabilan politik negara Malaysia.

**Masalah Kemungkaran Politik di Malaysia**

Kemungkaran politik yang sering berlaku dalam kalangan pemimpin adalah berkaitan dengan integriti dan penyalahgunaan nama agama sebagai tarikan sesebuah parti. Antara masalah integriti yang telah menjadi perhatian umum adalah kes seorang wakil rakyat yang telah ditahan reman oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Ogos 2017. Beliau ditahan bagi membantu siasatan berkaitan kes penyelewengan yang melibatkan wang jutaan ringgit dalam pembelian hotel oleh Felda Investment Corporation (FIC) di London [Hakimi Ismail, 2017; www.parlimen.gov.my] dan dibebaskan selepas lima hari ditahan dengan jaminan SPRM sebanyak RM 150,000 dan dua penjamin [Sharaimi Shaik Ahmedullah, 2017].

Selain itu, isu kafir mengkafir turut menjadi sebuah fenomena politik dalam kalangan masyarakat Melayu. Tuduhan kafir terhadap golongan yang berbeza pendapat mengenai politik bukanlah sesuatu perkara yang baharu dalam dunia politik Islam, malah keadaan ini telah berlaku pada zaman para sahabat sehingga menyebabkan Ali bin Abi Talib dibunuh. Namun begitu, dalam konteks politik negara Malaysia, isu ini mula menjadi perbahasan selepas era penjajahan, iaitu ketika munculnya parti-parti politik Melayu seperti Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan *United Malays National Organisation* (UMNO) [Ahmad Zaki Abd. Latiff, 2003].

Bagi meleraikan masalah tersebut, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah bersidang pada 21 November 1984 dan memutuskan bahawa tuduhan kafir mengkafir sesama Islam perlu dihentikan kerana perbuatan tersebut adalah haram dan pelakunya perlu bertaubat kepada Allah [Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2016]. Kini, isu ini dibangkitkan semula oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dewan Pemuda PAS menyifatkan isu ini sebagai polemik kitar semula bagi menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 [Mohd Aizat Shamsuddin, 2018] yang akan berlangsung sebelum 14 Julai 2018 [Irwan Shafrizan Ismail, 2018].

Rentetan daripada kemungkaran yang dilakukan oleh pemimpin, segolongan rakyat telah bangkit sebagai tanda tindak balas untuk menangani kemungkaran tersebut dengan cara mereka sendiri. Mereka menjadikan matlamat untuk mengembalikan semula syariat Islam yang sebenar dan mendirikan semula negara Islam sebagai alasan kukuh untuk menghalalkan segala tindakan mereka tanpa mengambil kira keganasan atau tindakan ekstrim yang dilakukan oleh mereka [Asyraf Wajdi Dusuki, 2014].

Konsep matlamat menghalalkan cara ini boleh dikenali sebagai falsafah Machiavellianisme. Falsafah politik ini diperkenalkan oleh Niccolo Machiavelli yang berasal daripada Itali [Zul ‘Azmi Yaakob dan Ahmad Sunawari Long, 2015]. Falsafah ini menekankan bahawa keutamaan terhadap kejayaan dalam pemerintahan adalah lebih penting berbanding cara yang digunakan untuk mendapatkannya. Perbuatan yang kejam dan pembunuhan juga dibolehkan bagi memastikan matlamat pemerintahan tercapai [Nicollo Machiavelli, 1921].

Contoh golongan mengamalkan konsep matlamat menghalalkan cara adalah golongan Daesh yang diasaskan oleh Ahmed Fadil Nazzal al-Khalaylah atau Abu Musab al-Zarqawi dan Abu Muhammad al-Maqdisi [Kenali Sejarah Awal Pengasas Daesh, 2016]. Mereka akan membunuh sesiapa sahaja yang berbeza pendapat dengan mereka atau menjadi penghalang dalam mencapai matlamat mereka [Ahmad Saufiyyan Abu Hassan, 2016]. Kekejaman yang dilakukan oleh mereka boleh mengakibatkan wujudnya kelemahan dalam kerajaan Islam itu sendiri walaupun matlamat asal mereka adalah untuk mengembalikan syariat Islam dalam pemerintahan negara.

Justeru itu, kemungkaran tidak seharusnya ditangani dengan keganasan kerana ianya akan mengakibatkan kemungkaran yang lebih besar dan sukar ditangani. Kemungkaran seharusnya dicegah dengan cara yang bijaksana, iaitu dengan cara yang lebih sederhana atau wasatīyyah. Melalui pendekatan ini, kemungkaran politik boleh ditangani secara berperingkat bersesuaian dengan kuasa dan tanggungjawab yang ada pada setiap individu muslim.

**Wasatīyyah dalam Menangani Kemungkaran Politik**

Suruhan mencegah kemungkaran bukanlah menjadi tanggungjawab kepada golongan penguasa sahaja, malah ianya turut mejadi tanggungjawab golongan ulama dan orang awam dalam melaksanakannya. Namun begitu, pencegahan tersebut mestilah dilakukan dengan cara yang betul dan bersesuaian dengan kedudukan setiap golongan. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ.

Maksudnya: *Sesiapa yang melihat kemungkaran maka ubahlah dengan tangannya, jika tidak mampu ubahlah dengan lisannya, jika tidak mampu ubahlah dengan hatinya dan ianya adalah selemah-lemah iman.*

[Riwayat Muslim]

Hadis ini menjelaskan bahawa mencegah kemungkaran itu adalah perbuatan wajib sebagaimana yang disuruh dalam al-Quran dan hadis serta disepakati oleh ulama [Muslim dan al-Nawawī, 1981; al-Harawī, 2012]. Walau bagaimanapun, pelaksanaan mencegah kemungkaran mempunyai beberapa peringkat mengikut pengetahuan dan kekuasaan yang ada pada seseorang muslim [‘Iyād bin Mūsā, 1998] serta perlu dilaksanakan dengan cara dan percakapan yang baik [al-Zuhaylī, 2001]. Mencegah kemungkaran menggunakan tangan perlu dilaksanakan oleh pemimpin atau penguasa, melalui percakapan pula perlu dilaksanakan oleh ulama dan dengan hati pula adalah untuk orang awam [al-Qurtubī, 2010].

Adapun mencegah menggunakan tangan bermaksud menggunakan kuasa dalam melaksanakan hukuman seperti hudud dan takzir [Jamāl al-Dīn Muḥammad Maḥmūd, 1992]. Dalam konteks negara Malaysia, kuasa terbahagi kepada tiga badan, iaitu badan perundangan (parlimen), eksekutif (kerajaan) dan kehakiman (mahkamah dan sistem kehakiman negara). Ketiga-tiga badan ini ditubuhkan dalam negara demokratik seperti Malaysia adalah untuk mengelakkan kuasa mutlak dimiliki oleh hanya satu badan dalam sesebuah negara [Syahredzan Johan, 2013]. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga badan ini saling berkait dalam proses penggubalan, penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang di seluruh negara [www.kptg.gov.my]. Oleh itu, pihak mahkamah dan sistem kehakiman bertanggungjawab mengenakan hukuman yang setimpal kepada penjenayah sesuai dengan kadar jenayah yang dilakukan.

Manakala ulama pula mencegah kemungkaran menggunakan lisan dengan menjelaskan kepada orang ramai tentang hukum syarak, perbuatan mungkar, hukum melakukan perbuatan mungkar dan azab bagi orang yang melakukan perbuatan mungkar. Ulama juga perlu memimpin dan memberi nasihat kepada pemimpin dengan cara yang baik dan berhikmah [al-Sāmirāi, 1987] seperti menasihati mereka dalam setiap perbuatan yang berkaitan dengan pimpinan mereka, mengadakan seminar kepimpinan dan sentiasa mengingatkan pemimpin tentang tanggungjawab mereka.

Selain itu, mencegah kemungkaran dengan hati yang perlu dilakukan oleh orang awam pula bermaksud sentiasa mengingatkan diri tentang perbuatan mungkar dan keburukan melakukannya [Jamāl al-Dīn Muḥammad Maḥmūd, 1992]. Individu yang sentiasa mengingati larangan serta azab Allah sekiranya melakukan larangan tersebut pasti merasa takut untuk melakukannya bahkan juga rasa takut untuk mendekatinya. Walaupun tahap pencegahan ini dinyatakan sebagai tahap keimanan yang paling lemah tetapi sekiranya dilaksanakan oleh orang ramai, semestinya masalah kemungkaran dapat dicegah dengan baik.

Ketiga-tiga tahap pencegahan kemungkaran ini dikatakan sebagai cara yang wasatīyyah kerana ianya tidak terlalu longgar atau meringankan hukum syariat dan juga tidak terlalu ekstrim. Sekiranya setiap lapisan masyarakat memahami dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing terhadap perintah amar makruf nahi mungkar dengan cara wasatīyyah, maka masalah kemungkaran politik pasti dapat diselesaikan dengan baik dan juga kemungkaran yang lebih besar dapat dielakkan.

**Penutup**

Secara tuntasnya, kemungkaran yang berlaku dalam bidang politik atau dalam kalangan pemimpin negara bukanlah suatu tiket untuk rakyat melakukan keganasan untuk membentuk semula kerajaan yang mematuhi syariat Islam. Kemungkaran tersebut perlu ditangani dengan cara yang wasatīyyah sebagaimana yang dianjurkan oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamāah. Kaedah ini merupakan kaedah yang terbaik serta selamat untuk setiap lapisan masyarakat dan juga menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang aman dan harmoni berlandaskan syariat Islam.

**Rujukan**

Al-Quran al-Karim.  
Ahmad Saufiyyan Abu Hassan. (2016). ‘Daesh: Kebangkitan dan Pengaruh Media Sosial’ dalam Jurnal Komunikasi. Jilid 32(2). h. 381 - 404. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Zaki Abd. Latiff. (2003). ‘Isu Kafir-mengkafir dan Implikasinya dalam Perkembangan Politik dan Sosial Masyarakat Melayu’ dalam Jurnal Usuluddin. Jilid 17. h. 15 - 32. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Asyraf Wajdi Dusuki. (2014). Rabu 1 Oktober. ‘Matlamat Tidak Halalkan Cara’. Sinar Harian.

Al-Fakhru al-Razi, Muhammad al-Razi Fakhru al-Din bin ‘Umar. (2005). *Tafsir al-Fakhru al-Razi: al-Mushtahar bi al-Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghayb*. Beirut: dar al-Fikr.

Hakimi Ismail. (2017). Rabu 16 Ogos. ‘Isa Samad Ditahan SPRM’. Utusan Malaysia.

Al-Harawi, Shamsi al-Din. (2012). *Fadlu al-Mun‘im fi Sharhi Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Nawadir.

Ibn Kathir, Isma‘il bin ‘Umar bin Kathir. (1987). *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Kaherah: Dar al-Hadith.

Ibn al-Manzur, Muhammad bin Mukarram. (2003). *Lisan al-‘Arab*. Kaheraht: Dar al-Hadith.

Institut Wasatiyyah Malaysia. (2017). *Dasar Wasatiyyah Negara*. Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia.

Irwan Shafrizan Ismail. (2018). Jumaat 2 Februari. ‘PRU - 14 Sebelum 14 Julai - PM’. Berita Harian.

Isma‘il bin ‘Abbad. (1994). *Al-Muhit fi al-Lughah*. Beirut: ‘Alim al-Kutub.

‘Iyad bin Musa. (1998). *Sharhu Sahih Muslim li al-Qadi ‘Iyad al-Musamma Ikmal al-Mu‘lim bi Fawaid Muslim*. Mansurah: Dar al-Wafa.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2016). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jamal al-Din Muhammad Mahmud. (1992).*Usul al-Mujtami‘ al-Islami*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Misri.

Al-Jilani, ‘Abd al-Qadir al-Jilani. (1996). *Al-Ghunyah li Talibi Tariq al-Haq*.Beirut: Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi.

Kenali Sejarah Awal Pengasas Daesh. (2016). Rabu 5 Oktober. Utusan Malaysia.

Mahmood Zuhdi Abd Majid. (2013). ‘Pendekatan Wasatiyyah dan Cabaran Eksterimism di Malaysia’ dalam Wasatiyyah: Pemacu Peradaban Malaysia. h. 5 - 15. Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia.

Mohamed Azam Mohamed Adil. (2016). Jumaat 15 Januari. ‘Wasatiyyah dalam Kehidupan’. Utusan Malaysia.

Mohd Aizat Shamsuddin. (2018). Sabtu 6 Januari. ‘Tun M, Isu Mengkafir Tidak Lagi Relevan’. Berita Harian.

Mohd Najib Abdul Razak. (2015), 8 April. Pelaksanaan Menyeluruh Wasatiyyah. Ucapan perasmian yang disampaikan dalam Seminar Antarabangsa Penghayatan Wasatiyyah dalam Kerangka Maqasid Syariah. Kuala Lumpur: Grand Ballroom Menara Felda.

Mohd Yusof Din dan Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2015). *Wasatiyyah dan Politik: Mensejahtera Masa Depan Negara*. Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia.

Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj dan al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf. (1981). *Sahih Muslim bi Sharhi al-Nawawi*. Beirut: Dar al-Fikr.

Niccolo Machiavelli. (1921). (*The Prince*) (trj. Luigi Ricci). United Kingdom: Universiti Oxford.

Portal Rasmi Parlimen Malaysia. Diakses pada 24 Januari 2018 daripada [www.parlimen.gov.my](http://www.parlimen.gov.my).

Portal Rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Diakses pada 24 Januari 2018 daripada [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my).

Al-Qaradawi, Yusuf. (1981). *Al-Khasais al-‘Ammah li al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Al-Qurtubi, Abi ‘Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. (2010). *Al-Jami’ li Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Samirai, Faruq ‘Abd al-Majid Humud. (1987). *Manahij al-‘Ulama fi al-Amr bi al-Ma’ruf wa al-Nahy ‘an al-Munkar*. Jiddah: Dar al-Wafa.

Sharaime Shaik Ahmedullah. (2017). Isnin 21 Ogos. ‘Mohd. Isa Dibebaskan’. Utusan Malaysia.

Syahredzan Johan. (2013). Isnin 23 September. ‘Mengenal Sistem Kehakiman’. Sinar Harian.

Al-Tabari, Abi Ja’far Muhammad bin Jarir. (2007). *Jami’ al-Bayan ‘an Ta’wil ay al-Quran: Tafsir al-Tabari*. Beirut: Dar al-Salam.

Undang-undang Malaysia: Perlembagaan Persekutuan. Diakses pada 8 Februari 201 daripada [www.kptg.gov.my](http://www.kptg.gov.my).

Al-Zuhayli, Wahbah. (2001). *Akhlaq al-Muslim: ‘Alaqa tuhu bi al-Khaliq*. Beirut: Dar al-Fikr al-Ma’asir.

Zul ‘Azmi Yaakob dan Ahmad Sunawari Long. (2015). Terrorisme sebagai Cabaran Ideologi Muslim Masa Kini: Satu Analisis dari Perspektif Falsafah. *International Journal of Islamic Thought*, 7: 58 - 63.

Zulkiple Abd. Ghani dan Mohd Syukri Yeoh Abdullah (ed). (2005). *Dakwah dan Etika Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.